

**IKLAN JAWATAN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

**A) MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan	: <b>Naib Canselor</b>
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama A (VU5)
Jumlah Gaji termasuk	: Minimum RM18,204.67
Elaun	: Maksimum RM33,631.67
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara, Pelantikan Pinjaman atau Pelantikan Sementara atau Pelantikan Secara Kontrak

**B) KRITERIA UMUM**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

**i) Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

**ii) Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

**iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

**iv) Reputasi**

Menjadi “*role model*” dan berkarisma kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v) **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

**C) KRITERIA KHUSUS**

- i) Mempunyai kapasiti dalam penjanaan dana Universiti;
- ii) Mempunyai integriti akademik;
- iii) Mempunyai ciri-ciri pemimpin bertransformasi;
- iv) Mempunyai kecenderungan politik selari dengan arus perdana;
- v) Berfikiran jauh dan kritis (*thought leader*);
- vi) Menghayati agenda nasional;
- vii) Mempunyai minda keusahawanan; dan
- viii) Kriteria-kriteria lain berdasarkan bidang tujuan (*niche area*) dan keperluan UTeM.

**D) CARA PERMOHONAN**

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut :

- i) Permohonan Jawatan (**Lampiran A**);
- ii) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap beserta Ringkasan CV (**Lampiran B**);
- iii) Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor UTeM.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut :

Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya,  
76100 Durian Tunggal,  
Melaka.

atau melalui emel [mohd.shahrul@utem.edu.my](mailto:mohd.shahrul@utem.edu.my) / [nurayuni@utem.edu.my](mailto:nurayuni@utem.edu.my)

**Tarikh tutup permohonan : 4 Februari 2019**

**E) PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di talian: 06-2701954/1943.